

GARIS PANDUAN SKIM SEMINAR STAF AKADEMIK - SKIM D (PINDAAN)

PERKARA	ASAL	PINDAAN
a) Tahap Seminar	i) Seminar adalah peringkat kebangsaan dan antarabangsa. ii) Penyertaan adalah sebagai pembentang kertas kerja.	i) Seminar adalah dalam negara dan luar negara . ii) Penyertaan adalah sebagai pembentang kertas kerja/ pengucaptama .
b) Pembiayaan	i) Had pembiayaan dari geran penyelidikan adalah tertakluk kepada kelulusan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). ii) Ahli penyelidik geran boleh menggunakan peruntukan dengan kebenaran Ketua Penyelidik.	Tiada pindaan.
c) Kelulusan	i) Sokongan RIMC dan kelulusan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). ii) Borang Permohonan Menghadiri Seminar beserta Lampiran A hendaklah dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum tarikh seminar.	i) Bagi seminar luar negara mendapat sokongan Pengarah RIMC dan kelulusan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan ii) Bagi seminar dalam negara mendapat kelulusan Pengarah RIMC. iii) Borang Permohonan Menghadiri Seminar beserta Lampiran A hendaklah dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) sekurang-kurangnya dua (2) bulan sebelum tarikh seminar.

PERKARA	ASAL	PINDAAN
d) Output	<p>i) Kertas seminar diterbitkan dalam prosiding (ISBN) atau jurnal di peringkat tempatan atau antarabangsa yang berindeks dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh seminar.</p> <p>ii) Penerbitan ini merupakan syarat untuk permohonan seminar bagi manamana skim pada tahun berikutnya.</p> <p>iii) Kertas seminar yang diterbitkan dalam prosiding atau jurnal hendaklah dikemukakan kepada Perpustakaan Sultanah Bahiyah dalam bentuk <i>hardcopy</i> dan <i>softcopy</i> sebagai penerbitan Universiti.</p>	<p>Tiada pindaan bagi perkara (i), (ii) dan (iii).</p> <p>SYARAT TAMBAHAN : (dipersetujui dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Ke-243 Bil. 3/2018 pada 1 April 2018 – Cadangan Pindaan Garis Panduan Skim Seminar Staf Akademik (Skim D))</p> <p>i) Setiap penyertaan seminar mesti mempunyai hasil penerbitan dalam SCOPUS. Permohonan seseorang staf akademik untuk menyertai seminar bagi kali yang berikutnya ia perlu membuktikan hasil penerbitan beliau ke seminar yang sebelum itu telah ada SCOPUS sebelum diluluskan.</p> <p>ii) <i>Keynote</i> tidak perlu diterbitkan dalam SCOPUS bagi staf yang dilantik sebagai <i>keynote speaker</i> dalam sesuatu seminar/persidangan yang ditanggung oleh pihak penganjur.</p>
e) Kelayakan Memohon	Staf bertaraf tetap sahaja yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 6 bulan.	Staf bertaraf tetap dan kontrak (termasuk pensyarah pelawat) layak untuk menghadiri seminar dalam dan luar negara.

(Diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Ke-243 Bil. 3/2018 pada 1 April 2018 – Cadangan Pindaan Garis Panduan Skim Seminar Staf Akademik (Skim D))